

**PEJABAT
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
WISMA DARUL IMAN,
KUALA TERENGGANU.**

Bil. (25) dlm. PTG.TR. 13/66/1 Jld.2

K.Terengganu: 29hb. Mac, 1983.
Bersamaan: 14hb. J'Akhir, 1403.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 5/83

Dasar Pemberian Tanah, Tukar Syarat, Pecah Sempadan,
Pecah Bahagian Dan Penyatuan Tanah Bagi Negeri Terengganu.

Arahan ini adalah dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan semua Pemungut Hasil Tanah dalam Negeri Terengganu iaitu lanjutan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang ke-35 pada 28hb. Ogos, 1982, Negeri Terengganu telah bersetuju melaksanakan penetapan semua urusan-urusan permohonan mengenai pemberian milik tanah (hanya melibatkan Dasar Ekonomi Baru dan permohonan dari Jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri), tukar syarat tanah (hanya kepada bangunan kediaman dan pernilagaan), pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah hendaklah dikemukakan untuk perlimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau diselesaikan dalam masa 3 bulan dari tarikh sesuatu permohonan diterima oleh Pejabat Tanah.

2. Dalam satu segi adalah dimaklumkan bahawa maksud 3 bulan yang dinyatakan adalah dikira tempoh dari tarikh Pejabat Tanah menerima sesuatu permohonan tukar syarat atau permohonan tanah sehingga Pengaroh Tanah dan Galian mengangkatkan bagi perlimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan tidak termasuk tempoh Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri membuat keputusan dan perjalanan selepasnya.
3. Permohonan-permohonan adalah tetap dikemukakan kepada Pemungut Hasil Tanah.
4. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan permohonan yang lengkap namun sekiranya ada apa-apa yang kurang, panduan hendaklah diberi kepada pemohon untuk dilengkapkan.
5. Permohonan Tukar Syarat dan Pecah Bahagian atau Pecah Sempadan boleh diterima bersekali. Namun oleh kerana soal undang-undang, kelulusan permohonan Pecah Bahagian atau Pecah Sempadan hanya boleh dibuat setelah pemohon menjelaskan bayaran harga tanah tambahan dan bersetuju dengan syarat-syarat kelulusan Tukar syarat (termasuk 'endorsement' atau plidaan di atas keterangan tanah). Untuk mempercepatkan kelulusan Pecah Bahagian atau Pecah Sempadan, pemohon boleh diminta membayar amanah bagi bayaran Tukar Syarat.

6. Jabatan teknikal atau agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Tallair, Jabatan Perncaangan Bandar dan Desa, Jabatan Pertanian, Jabatan kesihatan, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, Jabatan Perhutanan, Lembaga Letrik Negara, Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hendaklah dirujuk dan diminta pandangan atau pelepasan bagi kes-kes yang berkaitan.

7. Jabatan Parit dan Tallair khususnya dirujuk bagi mendapat ulasan tentang permohonan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, kawasan padl, pepartian dan longkang dalam bandar. Jabatan Kesihatan bagi pepartian dan longkang yang juga dalam kawasan bandar, Lembaga Letrik Negara bagi keperluan tapak pencawang. Jabatan Perhutanan bagi pelepasan hutan, KETENGAH bagi tanah mengenal dalam belok rancangan dan LKTP bagi tanah dalam kawasan rancangannya. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa tidak payah dirujuk bagi permohonan tanah kerajaan bagi pertanian pecah sempadan untuk kegunaan pertanian diluar kawasan bandar dan pecah sempadan di atas pelan tataur yang telah dilulus oleh Pihak Berkuasa Perancangan atau Pihak Berkuasa Negeri. Namun jika ada sebarang kesusahan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa bolehlah dirujuk pada bila-bila masa.

8. Pegawai Petempatan Pejabat Tanah hanya akan membuat lawatan bagi kes-kes yang belum lagi permohonan tukar syarat kepada bangunan diluluskan di kawasan sekitar tanah yang dipohon.

9. Perlaksanaan proses dalam masa 3 bulan hendaklah dibahagi kepada kaedah empat peringkat seperti diperturunkan:-

- | | |
|---------------|---|
| Peringkat I | - Dilaksanakan oleh Pemungut Hasil Tanah dalam tempoh 14 hari, meliputi penerimaan permohonan, daftar fail, pengesahan pelan, slasatan atau laporan, permintaan pandangan atau pelepasan Jabatan Perhutanan atau Agensi Teknikal dan perjalanan pos. |
| Peringkat II | - Dilaksana oleh Jabatan atau Agensi Teknikal dalam tempoh 60 hari, meliputi penerimaan permintaan pandangan atau pelepasan, daftar fail, proses di Jabatan atau Agensi Teknikal, Pemberian pandangan atau pelepasan perjalanan pos. |
| Peringkat III | - Dilaksana semula oleh Pemungut Hasil Tanah dalam tempoh 7 hari, meliputi penerimaan pandangan atau pelepasan, penyediaan laporan ke Pengarah Tanah dan Galian dan perjalanan pos atau keputusan oleh Pemungut Hasil Tanah sendiri bagi kes dalam bidang kuasa Pemungut Hasil Tanah. |

Peringkat IV

- Dilaksana oleh Pengarah Tanah dan Galian dalam tempoh 9 hari, meliputi penerimaan laporan dari Pemungut Hasil Tanah, daftar fail, penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan mengangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau keputusan oleh Pengarah Tanah dan Galian bagi kes dalam bidang kuasa Pengarah Tanah dan Galian.

10. Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil maklum dan mengikut arahan ini.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' LELA JASA)

Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Kerajaan.

PT.TR.13/369 Jld. 2.